

# TLDM jalin latihan kapal selam bersama AS, Australia

Um - 20/9/2006

PELABUHAN KLANG 19 Sept. - Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) berhasrat berkongsi maklumat serta pengalaman dengan Amerika Syarikat (AS) dan Australia sebagai persediaan untuk menerima kapal selam Scorpene pada tahun 2009.

Asisten Ketua Staf Rancang dan Operasi, Markas Tentera Laut, Laksamana Pertama Amzah Sulaiman berkata, langkah tersebut dilihat akan memberi manfaat kepada TLDM me-

mandangkan latihan kapal selam membabitkan kos yang tinggi.

"TLDM akan mempunyai angkatan kapal selam sendiri tidak lama lagi dan adalah penting untuk kita berkongsi maklumat dan pengetahuan dengan mereka yang berpengalaman.

"Latihan membabitkan kapal selam memakan belanja besar dan kerjasama dengan angkatan laut seperti Australia dan AS mampu mengatasi masalah ini," katanya di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita semasa melawat kapal selam USS Houston serta kapal sokongan USS Frank Cable milik Tentera Laut AS.

Kedua-dua kapal berkenaan yang berpangkalan di Guam kini dalam rangka kunjungan ke Malaysia selama enam hari sehingga Khamis ini.

Lawatan ke negara ini adalah bagi membincangkan program kerjasama pada masa depan di antara TLDM,

Tentera Laut AS dan Tentera Laut Australia.

Sementara itu, Komander Kumpulan Kapal Selam Ketujuh Tentera Laut AS, Laksamana Muda John M. Bird memberitahu, pihaknya bukan sahaja sedia mengadakan perbincangan malahan menjalin kerjasama dalam bidang latihan.

"Kita sedia berkongsi dengan TLDM mengenai bentuk latihan sedia ada yang dilaksanakan AS," katanya.